

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 08 Jun 2021 11:13
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JHEP Konsisten Hulur Bantuan Ringankan Beban Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 JUN 2021 / 27 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: M Shahadat Ali Nordin

Gambar oleh: JHEP

JHEP KONSISTEN HULUR BANTUAN RINGANKAN BEBAN PELAJAR



UUM ONLINE: “Terima kasih SSSD” itulah ungkapan bermakna daripada seorang sukarelawan yang bertugas di Pusat Kuarantin Pelajar di Bukit Kachi kepada Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD) ketika bantuan keperluan dihulurkan kepada mereka.

Dekan Hal Ehwal Pelajar, Prof. Madya Dr. Massudi Mahmuddin berkata, sebanyak 91 bungkus makanan dan minuman disediakan kepada pelajar dan beberapa kotak bantuan makanan lain disediakan kepada sukarelawan dan petugas untuk peringkat awal.

Menurutnya, bantuan makanan dan minuman kepada pelajar ini perlu bersifat konsisten bagi menjamin sumber makanan pelajar tidak terputus.

“Kita akan terus membantu dan menyampaikan sumbangan sebegini dari semasa ke semasa agar menjamin keperluan harian pelajar, sukarelawan dan petugas mencukupi.

“Saya juga ingin mengajak warga kampus dan masyarakat setempat untuk menyumbang kepada Tabung Bantuan Sara Hidup Pelajar bagi membantu mereka yang terjejas, di samping membantu petugas barisan hadapan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SSSD, Prof. Madya Dr. Rajwani Md. Zain berkata, pelajar UUM diingatkan agar terus mematuhi peraturan yang telah dikeluarkan serta tidak mengambil kesempatan terutamanya dalam tempoh pandemik ini.

“Kita masih belum menang dan saya mohon agar semua pelajar UUM bersikap positif dan bersama-sama membantu universiti untuk terus memerangi Covid-19 dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

“Kita beri sokongan dari sudut fizikal dan emosi. Kita perlu tenang dan patuhi SOP yang sudah dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan UUM,” katanya.

Sebarang bentuk sumbangan, boleh disalurkan melalui capaian maklumat di Facebook rasmi Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar UUM.

